



MEMO

PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR



Kepada : Semua Pelajar *Senior* yang berkaitan
Daripada : Ketua Unit Kolej Kediaman Pelajar
Tarikh : 14 Julai 2025
Rujukan : PSP/KAM/120/01/03/Jld.7 (6)

MAKLUMAN TAMBAHAN PADA HARI PENDAFTARAN PELAJAR *SENIOR* DI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR UNTUK ASRAMA LAMA DAN ASRAMA PFI SESI I 2025/2026

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Semua pelajar *senior* yang telah diluluskan permohonan asrama dan telah membuat bayaran seperti masa yang ditetapkan, dikehendaki hadir mendaftar seperti ketetapan berikut :-

Tarikh	:	31 Julai 2025 (Khamis)
Masa	:	9.00 pagi - 10.30 pagi (JTMK) 10.30 pagi - 11.30 pagi (JKE) 11.30 pagi - 1.00 petang (JKM) 2.00 ptg - 4.00 petang (JP)
Tempat	:	Cafe PSP (Bersebelahan Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar)

3. Pelajar dikehendaki membawa dokumen yang lengkap semasa hari pendaftaran seperti berikut:-

- 2.1 Borang Pendaftaran yang lengkap beserta gambar terkini (disertakan);
- 2.2 Salinan kad pengenalan yang telah dipalang;
- 2.3 Salinan Resit Pembayaran Asrama Lama (RM60.00) dan Asrama PFI (RM630.00) mana yang berkaitan melalui **JOMPAY** contoh pembayaran seperti dibawah :-
 - i. *Biller Code* : **919365**
 - ii. *Reference 1* : **Nombor Kad Pengenalan Pelajar**
(tanpa simbol-,contoh 030808045577)

- iii. *Reference 2 : Nombor Telefon Pelajar*
(tanpa simbol -, terhad kepada 20 askara)
- iv. Jumlah **RM60.00 (Yuran Asrama) dan RM630.00 (Yuran Asrama PFI)**, mana yang berkaitan.

2.4 Salinan Pendaftaran *Online*

4. Bayaran asrama perlu dijelaskan mulai **15 Julai 2025 dan selewat-lewatnya pada 29 Julai 2025 (Selasa)**. Sekiranya bayaran asrama tidak dijelaskan pada tempoh tersebut, pihak Kolej Kediaman Pelajar (KKP) beranggapan saudara/saudari tidak berminat untuk tinggal di asrama. Oleh itu pihak KKP akan menawarkan asrama kepada pelajar lain.


5. Pelajar mesti mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa. Sekiranya pelajar didapati melanggar mana-mana peraturan atau disiplin semasa tinggal di asrama **"Pihak Kolej Kediaman Pelajar boleh mengambil tindakan mengarahkan pelajar untuk mengosongkan bilik atau mengarahkan pelajar keluar dari KKP"**.

Kerjasama saudara/saudari berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Pejabat Kolej Kediaman Pelajar di talian 04-5383322 samb. 5222/5102.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(NOOR HAYATI BINTI MAT SALEH)

s.k : Jabatan Hal Ehwal Pelajar